



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 42/2020

RUJUKAN : 3 MEI 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) merupakan kesinambungan langkah kawalan penularan wabak yang dilaksanakan kerajaan sebelum ini di samping membangunkan kembali ekonomi dan produktiviti negara. Pendekatan **PKPB secara umumnya adalah untuk membuka semula aktiviti ekonomi pada 4 Mei 2020** di seluruh negara **secara terkawal dan menggunakan prosedur kesihatan yang ketat**. Sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial akan dibenarkan beroperasi kecuali aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai dan mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan. Pada masa yang sama, Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan (PKPD) juga akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang mencatatkan kes positif COVID-19 yang tinggi. Menerusi cerapan statistik awalan fasa keempat, catatan harian kes baharu menunjukkan sedikit peningkatan berbanding catatan fasa ketiga dipengaruhi oleh pertambahan kes import dan jangkitan di kawasan PKPD. Sehubungan itu amalan penjagaan kesihatan dan penjarakan sosial masih merupakan elemen utama untuk diamalkan oleh masyarakat terutamanya membudayakan Kebiasaan Baharu agar risiko jangkitan dapat dikawal secara efektif.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 3 Mei 2020 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 4,413** atau 70.07 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,780 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **122 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,298 kes**. Kes import meliputi 42.6 peratus dari catatan jumlah harian manakala penularan tempatan berjumlah 70 kes yang mana 24 kes dikesan dari lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kumulatif kes positif dengan menyumbang **sebanyak 46.4 peratus**, Zon Selatan (23.2 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.6 peratus), Zon Pantai Timur (9.1 peratus) dan Zon Utara (7.7 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan** dengan **merekodkan 71 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (30 kes), Selangor (11 kes), Sarawak (5 kes) dan Melaka (3 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 8 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **105 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **2 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik daerah bagi **kumulatif kes aktif mengikut zon merah** meningkat kepada **10 daerah**, peningkatan kes aktif di daerah Petaling dan Gombak. Sehingga 2 Mei 2020, antara **daerah atau kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Lembah Pantai dengan 263 kes** dan **SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)**

Kuching sebanyak 137 kes. Namun begitu, **sejumlah 89 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Perak dan W.P Labuan telah menunjukkan pemulihan memberangsangkan dengan tiada rekod kes aktif sementara Pulau Pinang hanya mencatatkan 2 kes aktif menerusi satu catatan kes jangkitan di Seberang Perai Tengah dan Barat Daya.

Di seluruh dunia, sebanyak **3,426,711 individu** telah dijangkiti **wabak COVID-19** dengan melibatkan **243,795 kematian**. **Amerika Syarikat (AS)** mendominasi bilangan kes positif sebanyak **1,132,512 kes** dan umumnya terdapat 8 negara yang mempunyai catatan kes jangkitan melebihi 100 ribu kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** 17,548 kes jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (10,843 kes), Filipina (8,928 kes) termasuk Malaysia (6,298 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 27.2 peratus**, diikuti Itali yang mencatatkan 11.8 peratus dan United Kingdom (11.6 peratus). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.11 peratus manakala kes sembah hampir menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,093,046 kes (31.9 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

JEPUN: Aktiviti pembuatan Jepun turun mendadak pada April 2020. Indeks Pengurus Perolehan (PMI) yang diterbitkan oleh Bank Au Jibun menunjukkan **penurunan indeks tersebut kepada 41.9 berbanding 44.8** yang dicatatkan pada Mac 2020. Ini merupakan prestasi terendah sejak April 2009. IHS Markit pula menyatakan bahawa **kemerosotan sektor pembuatan Jepun** yang semakin mendalam pada bulan April adalah disebabkan oleh **gangguan rantaian bekalan antarabangsa dan permintaan global yang merosot** akibat krisis COVID-19. Penutupan kilang dan operasi di bawah kapasiti di negara luar memberi kesan yang besar kepada pengeluar barang Jepun. Ini apabila pengeluar terpaksa mengurangkan atau menghentikan aktiviti pengeluaran kerana penuntutan aktiviti perniagaan pelanggan dan pembekal. Sementara itu, sektor pekerjaan bagi aktiviti pembuatan melemah untuk bulan kedua pada April 2020. (Reuters)

TAIWAN: Ekonomi Taiwan suku pertama 2020 mencatatkan pertumbuhan yang paling lemah dalam tempoh 4 tahun. **KDNK Taiwan berkembang 1.54 peratus** pada Januari hingga Mac 2020 berbanding pertumbuhan 3.31 peratus pada suku keempat 2019. Pertumbuhan ini adalah yang paling perlahan semenjak penguncutan 0.09 peratus pada suku pertama 2016. Pandemik COVID-19 yang melanda telah menghimpit **penggunaan isirumah dan menurunkan penerimaan pelancong asing sebanyak 50 peratus**. Penggunaan akhir isirumah turun 0.97 peratus berbanding 2.63 peratus yang

dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Penggunaan isirumah ke atas perkhidmatan restoran & hotel, pengangkutan awam, pelancongan, aktiviti rekreasi menurun pada tempoh rujukan manakala jualan atas talian, jualan permainan video, perkhidmatan penghantaran makan, e-commerce dan penggunaan lain yang menyokong kempen *stay-at-home* meningkat. Selain itu, pandemik COVID-19 turut menyebabkan gangguan bekalan terutama ke atas produk semikonduktor dan telekomunikasi. Dengan melihat situasi permintaan ke atas gajet elektronik yang semakin melemah, kerajaan meramalkan **penurunan pesanan eksport sebanyak 6.3 peratus hingga 10.3 peratus pada tahun ini**. Kerajaan Taiwan turut meramalkan **ekonomi akan bertumbuh lebih perlahan pada jajaran 1.3 peratus hingga 1.8 peratus pada tahun ini**. Sementara itu, agensi penarafan Standard & Poor's pula meramalkan penurunan ekonomi Taiwan pada kadar -1.2 peratus pada tahun ini dan memulih dengan kadar ekonomi bertumbuh 4 peratus pada 2021. (Reuters)

SEPANYOL: Ekonomi Sepanyol menyusut -5.2 peratus dalam tiga bulan pertama tahun 2020. Angka yang diterbitkan oleh National Statistics Institute menunjukkan **prestasi ini adalah yang terburuk sejak siri masa data ini dikeluarkan pada tahun 1970** dan melangkaui angka ramalan penganalisis pada kadar -4.4 peratus. **Bank pusat meramalkan ekonomi berpotensi untuk menyusut sehingga -12.4 peratus pada 2020 sebelum memulih pada kadar 5.5 peratus pada tahun 2021.** Sektor pelancongan yang merangkumi 12 peratus dari KDNK dijangka terkesan dengan teruk. Sektor peruncitan dan perhotelan menguncup sebanyak -11 peratus, merupakan penguncupan paling teruk pernah dihadapi oleh ekonomi Sepanyol. Perbelanjaan isirumah menjunam -7.5 peratus pada suku pertama manakala perbelanjaan awam meningkat 1.8 peratus. Aktiviti pelaburan pula merosot -9.6 peratus pada tempoh rujukan. (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Malaysia (PEKEMA)** menyokong pembukaan semula operasi dapat mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh anggotanya yang dianggarkan berjumlah RM135 juta sebulan.
- 2) **Lima (5) negeri yang tidak melaksanakan PKPB** bermula 4 Mei 2020 adalah Sarawak, Sabah, Kedah, Pahang dan Pulau Pinang, manakala dua (2) negeri yang melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai (PKPBD)** adalah **Negeri Sembilan dan Selangor**.
- 3) Prasarana akan **melanjutkan waktu puncak bagi semua perkhidmatan rel dan bas termasuk Rapid Ferry** susulan PKPB bermula 4 Mei 2020. Kapasiti penumpang bas dihadkan kepada 50 peratus manakala penumpang LRT, MRT dan monorel pula dihadkan kepada 30 peratus bagi setiap perjalanan.
- 4) **Dana terkumpul Felda COVID-19** sebanyak RM1.1 juta telah memberi manfaat kepada **28,000 peneroka Felda**, yang masing-masing menerima barang keperluan bernilai RM40. Di samping itu, **agihan keperluan asas** kepada 112,638 peneroka di seluruh negara yang telah diluluskan bernilai **RM5.6 juta**.
- 5) **Sektor pertanian** memerlukan pelaburan yang besar demi **memastikan kelangsungan dan jaminan** terhadap keselamatan **rantaian makanan** dalam berdepan dengan pasca COVID-19.
- 6) **Aliran keluar bersih dalam pasaran ekuiti tempatan menurun** kepada RM212 juta untuk tempoh 27 - 29 April 2020 daripada RM689.95 juta yang dicatatkan pada 20 - 22 April 2020. Kadar purata penyertaan pelabur asing mencatatkan 18.05 peratus dan institusi tempatan 44.21 peratus. Purata penyertaan pelabur runcit tempatan adalah 37.75 peratus.
- 7) **Majikan perlu menanggung kos perbelanjaan pekerja untuk menjalani ujian COVID-19** di klinik dan makmal swasta. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan melaksanakan penguatkuasaan di tapak pembinaan dan denda akan dikenakan bagi mereka yang tidak mematuhi SOP.

- 8) Kawalan pergerakan susulan COVID-19 di **India** menyebabkan **bekalan daging kerbau ke Malaysia terjejas** dan mendorong **harga jualan lebih tinggi**. Pada 2019, India, negara kedua terbesar pembekal daging kerbau telah mengeksport hampir 1.5 juta tan, manakala Brazil pembekal utama daging kerbau dunia dengan 2.3 juta tan.
- 9) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan **menilai semula keperluan untuk mengimport barang hasil pertanian, terutamanya dari Thailand**, apabila sektor ekonomi kembali beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020.
- 10) Kebanyakan **pemilik stesen minyak tidak mempunyai dana untuk membeli minyak secukupnya** bagi menampung peningkatan **permintaan yang dijangka berlaku apabila PKP berakhir**. Arah aliran menurun dalam harga minyak dan trafik yang lemah susulan PKP menyebabkan pengusaha stesen minyak terjejas teruk.
- 11) Kerajaan sedaya upaya memastikan rakyat mempunyai pekerjaan dengan inisiatif yang dilaksanakan **menerusi pakej rangsangan seperti melaksanakan subsidi upah**. Langkah membuka semula ekonomi adalah untuk melindungi pekerjaan rakyat di samping memulihkan semula aktiviti ekonomi negara. Keadaan yang dihadapi dapat memberi ruang kepada **kerajaan untuk melihat semula dasar buruh asing** dengan meninjau **mengurangkan jumlah buruh asing di negara ini**.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Time	<p>Brainstorming for post COVID-19 tourism boost</p> <p>Departments under the state Tourism, Culture and Environment Ministry will conduct a brainstorming session to come up with ideas and effective plans for the post COVID-19 period involving sectors which come under the ministry.</p> <p>Deputy Chief Minister Datuk Christina Liew said the discussions were vital in ensuring tourism and other related areas under her Ministry was able to proceed without any hiccups after the coronavirus pandemic subsides.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589507/brainstorming-post-covid-19-tourism-boost
2.	Malay Mail	<p>Pekema: Our members can cut losses with reopening of economy</p> <p>With the gradual reopening of economic sectors under the conditional movement control order (CMCO), the 177 member companies of the Malay Vehicle Importers and Traders Association of Malaysia (Pekema) can heave a sigh of relief.</p> <p>Its president Datuk Zainuddin Abdul Rahman said resumption of operations could reduce losses sustained by its members, whose fixed operating costs are estimated at RM135 million a month. When the government</p>	https://www.malaymail.com/news/money/2020/05/03/pekema-our-members-can-cut-losses-with-reopening-of-economy/1862680

		<p>gave approval for companies selling used imported cars to resume operations, we are relieved as otherwise they would have to find an estimated RM200,000 a month to pay wages, premises rentals and utility bills.</p>	
4.	New Straits Time	<p>Shopping malls ready for new normal</p> <p>As most businesses are set to resume operations tomorrow, operators are gearing up to put preventive measures in place to adapt to the new normal.</p> <p>Among the basic preventive measures include the recording of body temperature of workers and customers, as well as preparing hand sanitiser.</p> <p>Some operators had gone the extra mile to ensure the health and safety of customers.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589445/shopping-malls-ready-new-normal

Penemuan penting & isu:

- Artikel 2 – Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Malaysia (PEKEMA) menyatakan bahawa pembukaan semula operasi dapat mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh anggotanya yang dianggarkan berjumlah RM135 juta sebulan.

Maklumbalas Bahagian:

- Keputusan Kerajaan membenarkan perniagaan beroperasi mulai 4 Mei akan memberi kesan positif kepada pemain industri negara terutamanya dalam sektor Perkhidmatan. Pada tahun 2019, sektor Perkhidmatan yang merupakan sektor utama ekonomi Malaysia menyumbang 57.7 peratus kepada KDNK dan merekodkan pertumbuhan 6.1 peratus berbanding 6.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pada 2019, segmen kenderaan bermotor menyumbang 1.7 peratus kepada KDNK (RM24.7 bilion).

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
1.	The Star	<p>Seven states won't adopt conditional MCO, to maintain status quo (updated)</p> <p>Kedah, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Pahang, Selangor and Negeri Sembilan have decided not to follow the Federal Government's move to relax the movement control order (MCO), which includes allowing most businesses to reopen with conditions.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/03/conditional-mco-won039t-be-uniformly-adopted-by-state-governments
	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
2.	Berita Harian	<p>PKPB: Perjalanan waktu puncak tren, bas dilanjut</p> <p>Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan melanjutkan waktu puncak bagi semua perkhidmatan rel dan bas bermula 4 Mei 2020. Semua perkhidmatan rel, bas serta perkhidmatan Rapid Ferry juga akan mula beroperasi mengikut waktu biasa dari jam 6 pagi hingga tengah malam mulai esok.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684710/pkpb-perjalanan-waktu-puncak-tren-bas-dilanjut
	C. Subsektor Pendidikan		
3.	The Star	<p>Childcare centres won't reopen for another month</p> <p>Childcare centres are not expected to open for about another month as operators have to undertake a series of stringent precautionary measures before they can resume operations.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/03/childcare-centres-wont-reopen-for-another-month

Penemuan penting & isu:

1. Tujuh negeri menangguhkan dan tidak akan melaksanakan PKPB seperti saranan Kerajaan Persekutuan bagi membuka perniagaan dengan bersyarat. Negeri-negeri tersebut akan mengkaji kesediaan pihak berkuasa tempatan dalam menangani operasi yang dimulakan semula oleh syarikat.
2. Pasarana akan akan melanjutkan waktu puncak bagi semua perkhidmatan rel, bas dan di bawah kumpulan termasuk Rapid Ferry susulan PKPB bermula 4 Mei 2020. Kapasiti penumpang bas dihadkan kepada 50 peratus manakala penumpang LRT, MRT dan monorel pula dihadkan kepada 30 peratus bagi setiap perjalanan.
3. Pusat penjagaan kanak-kanak tidak akan beroperasi sehingga bulan hadapan. Ini kerana mereka memerlukan masa untuk melaksanakan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti ekonomi yang dibenarkan untuk beroperasi bermula 4 Mei 2020 semasa fasa PKPB masih tidak akan dibuka bagi 7 negeri yang tidak melaksanakan PKPB dan akan memberi kesan kepada hasil pertubuhan terlibat.
2. Susulan PKPB, semua pengangkutan awam dibenarkan beroperasi seperti biasa. Jumlah penumpang dijangka meningkat berbanding PKP susulan kebenaran bekerja oleh pihak kerajaan.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	FMT	<p>Unable to import from India, Malaysia's buffalo meat prices soar</p> <p>Most meat processing plants in India, the world's second-largest beef exporter and Malaysia's top supplier, have been shut as the South Asian nation fights to contain the pandemic.</p> <p>India typically sells more than 100,000 tonnes of buffalo meat every month, but in March exports dropped to around 40,000 tonnes, according to two exporters.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2020/05/03/unable-to-import-from-india-malaysias-buffalo-meat-prices-soar/

		Wholesale prices of frozen buffalo meat in Malaysia have climbed 15%-20% from a year ago this month during the Ramadan festival, which usually accounts for up to 20% of the country's annual consumption as families gather to break fast.	
2.	Bernama	<p>Ministry to monitor needs to import agricultural goods during CMCO</p> <p>The Agriculture and Food Industries Ministry will review the need to import agricultural products especially from Thailand when the economic sector resumes operation during the Conditional Movement Control Order (CMCO) starting tomorrow.</p>	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1838118

Penemuan penting & isu:

1. Kawalan pergerakan susulan COVID-19 di India menyebabkan bekalan daging kerbau ke Malaysia terjejas, mendorong harga lebih tinggi dan menjelaskan jualan. India biasanya menjual lebih dari 100,000 tan daging kerbau setiap bulan, tetapi pada bulan Mac eksport turun menjadi sekitar 40,000 tan. Pada 2019, India, negara kedua terbesar pembekal daging kerbau telah mengeksport hampir 1.5 juta tan manakala Brazil, pembekal utama daging kerbau dunia dengan 2.3 juta tan.
2. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan menilai semula keperluan untuk mengimport barang hasil pertanian, terutamanya dari Thailand apabila sektor ekonomi kembali beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia mengimport daging lembu/ kerbau dengan nilai RM1.9 bilion pada tahun 2019 dengan lebih 70% import dari India. Selain India, Malaysia juga mengimport daging lembu/ kerbau dari Australia, New Zealand dan Brazil.
2. Pada tahun 2019, Malaysia mengimport produk agromakanan dari Thailand terutamanya ayam (RM416 juta), cili (RM126 juta), buah mangga (RM56 juta), udang (RM47 juta) dan durian (RM17 juta).
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Malaysian Insight	<p>Migrant workers dealing with MCO</p> <p>The migrant workers have been unemployed for almost two months because of the movement-control order (MCO) to curb the spread of COVID-19.</p>	https://www.themalaysianinsight.com/g/242535
2.	The Star	<p>Developers, contractors in KL construction sites to get workers tested for COVID-19</p> <p>Developers and contractors in Kuala Lumpur who have active project sites in the city have been instructed to get their workers tested for COVID-19.</p>	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/05/03/developers-contractors-in-kl-construction-sites-to-get-workers-tested-for-covid-19-says-annuar-musa
3.	Sinar Harian	<p>Kluster baharu tapak pembinaan Kuala Lumpur</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan satu lagi kluster baharu iaitu di tapak pembinaan Kuala Lumpur. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia selepas 28 kes positif wabak koronavirus (COVID-19) dikesan di kawasan itu.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/81778/KHAS/Koronavirus/Kluster-baharu-tapak-pembinaan-Kuala-Lumpur

Penemuan penting & isu:

1. Terdapat 20 penghuni di rumah kontena dan semua berasal dari Bangladesh serta mempunyai dokumen dan izin sah. Ada yang bekerja di Malaysia selama hampir lima tahun sementara ada yang tiba di Malaysia tujuh bulan yang lalu. Pekerja ini biasanya memperoleh RM55 sehari, tidak termasuk kerja lebih masa (OT), dan kira-kira 10 daripada mereka telah kembali ke pembinaan sejak kerajaan membenarkan sektor perniagaan tertentu untuk disambung semula.
2. Majikan mesti memastikan bahawa pekerja mereka menjalani ujian COVID-19 di klinik dan makmal swasta dan perbelanjaannya harus ditanggung oleh majikan sendiri. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

<p>dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan melaksanakan penguatkuasaan di tapak pembinaan dan mereka yang tidak mengikuti SOP yang betul akan dikenakan denda.</p> <p>3. Kesemua kes positif yang dikesan di tapak pembinaan Kuala Lumpur melibatkan bukan warganegara Malaysia.</p>
--

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum berkenaan isu yang dialami oleh pekerja bukan warganegara dalam mengharungi perintah PKP dan keperluan dalam menjalani ujian COVID-19 bagi setiap pekerja.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Aliran keluar dana asing susut kepada RM212 juta bagi tempoh 27 hingga 29 April</p> <p>Pelabur asing merupakan penjual bersih dalam pasaran ekuiti tempatan bagi minggu dagangan yang baru berakhir namun nilai aliran keluar bersih keseluruhan susut kepada RM212 juta untuk tempoh 27 hingga 29 April daripada RM689.95 juta yang dicatatkan pada 20 hingga 22 April.</p> <p>Bagi tempoh 27 hingga 29 April, kadar purata penyertaan pelabur asing dan institusi tempatan masing-masing sebanyak 18.05 peratus dan 44.21 peratus, manakala purata penyertaan pelabur runcit tempatan pada 37.75 peratus.</p> <p>Indeks Pembuatan oleh Institut Pengurusan Bekalan (ISM) AS susut kepada 41.5 pada April (Mac: 49.1), dengan subindeks pesanan baharu menjunam kepada 27.1 daripada 42.2 pada Mac.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1837924

Penemuan penting & isu:

1. Aliran keluar bersih dalam pasaran ekuiti tempatan bagi minggu dagangan yang baru berakhir menurun kepada RM212 juta untuk tempoh 27 hingga 29 April daripada RM689.95 juta yang dicatatkan pada 20 hingga 22 April. Kadar purata penyertaan pelabur asing mencatat sebanyak 18.05 peratus dan institusi tempatan pada 44.21 peratus, manakala purata penyertaan pelabur runcit tempatan pada 37.75 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aliran keluar bersih yang dicatatkan dalam pasaran ekuiti tempatan oleh pelabur asing bakal mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen ekuiti. Pada tahun 2019, aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily	<p>COVID-19: Felda settlers receive essential goods worth RM6.7M</p> <p>The Felda COVID-19 fund has collected RM1.1 million as an effort to ease the burden of the settlers and their families following the pandemic and the implementation of the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The contribution benefited 28,000 Felda settlers, who each received RM40 worth of essential goods.</p> <p>The Felda Board of Directors also approved the application of Felda Settlers Consultation Committee (JKKP) to distribute RM5.6 million worth of basic necessities to 112,638 settlers nationwide.</p>	https://www.thesundaily.my/home/covid-19-felda-settlers-receive-essential-goods-worth-rm67m-BY2364470

2.	The Sun Daily	<p>Property demand in Penang still strong despite economy</p> <p>The demand for property in Penang remains robust despite the economic downturn brought by the COVID-19 pandemic and the Movement Control Order (MCO) enforced to curb its spread.</p> <p>International Read Estate Federation (FIABCI) said he is still receiving enquiries about property under the Malaysia My Second Home (MM2H) programme.</p>	https://www.thesundaily.my/local/property-demand-in-penang-still-strong-despite-economy-EX2365060
----	----------------------	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Dana terkumpul Felda COVID-19 sebanyak RM1.1 juta adalah inisiatif untuk meringankan beban peneroka dan keluarga mereka berikutan wabak dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan itu memberi manfaat kepada 28,000 peneroka Felda, yang masing-masing menerima barang keperluan bernilai RM40. Ahli Lembaga Pengarah Felda juga telah meluluskan permohonan Jawatankuasa Perundingan Peneroka Felda (JKKP) untuk mengagihkan keperluan asas bernilai RM5.6 juta kepada 112,638 peneroka di seluruh negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peneroka Felda dan ahli keluarga turut menerima bantuan kewangan berjumlah RM6.7 juta yang mana RM1.1 juta merupakan sumbangan barang keperluan harian serta agihan keperluan asas kepada 112,638 peneroka seluruh negara bernilai RM5.6 juta.

G.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Kes baharu COVID-19 di Selangor naik mendadak</p> <p>Jumlah kes positif COVID-19 di Selangor naik mendadak dalam apabila merekodkan 63 kes baharu hari ini berbanding 24 kes semalam</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/573899/kes-baharu-covid-19-di-selangor-naik-mendadak
2.	Sinar Harian	<p>Pasar Besar Seremban ditutup</p> <p>Pasar Besar Seremban terpaksa ditutup bermula hari ini berikutan terdapat dua peniaga di pasar itu disyaki dijangkiti koronavirus (COVID-19) selepas mengambil bekalan niaga di Pasar Borong Selayang</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/81717/EDISI/Melaka-NS/Pasar-Besar-Seremban-pula-ditutup
3.	Harian Metro	<p>Pengusaha stesen minyak negara rugi RM170 juta</p> <p>Persatuan Pengusaha-Stesen Minyak Malaysia (PDAM) menggesa kerajaan menimbang langkah menyediakan bantuan kewangan kepada pemilik stesen minyak bagi membantu mereka memulih serta memulakan kembali perniagaan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/573889/pengusaha-stesen-minyak-negara-rugi-rm170-juta
4.	Harian Metro	<p>Kawalan di Pasar Borong Batu Berendam diperketatkan</p> <p>Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memperketatkan lagi pemantauan dan kawalan di Pasar Borong Batu Berendam dengan mengehadkan jumlah pelanggan pada satu masa.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/573995/kawalan-di-pasar-borong-batu-berendam-diperketatkan

5.	Berita Harian	<p>Bangunan Selangor Mansion digempur Imigresen</p> <p>Bangunan Selangor Mansion di Jalan Masjid India yang kebanyakannya didiami warga asing telah digempur oleh Jabatan Imigresen susulan operasi mengesan pendatang asing.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684614/bangunan-selangor-mansion-digempur-imigresen?fbclid=IwAR34Y4K2i4DhcGfZ1reWKmdZzJkOJhPbptcZUtHzVDcxwxOww-0SvKRkkI
6.	Berita Harian	<p>PKPB: Jadual fleksi, kerja dari rumah pilihan kepada penjawat awam</p> <p>Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan pihak berkuasa bermula 4 Mei di bawah PKPB, dan semua pejabat kerajaan juga akan beroperasi sepenuhnya mulai tarikh berkenaan. Walau bagaimanupun, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, menerusi surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 2 Mei mengenai operasi pejabat ketika PKPB, di mana ketua jabatan boleh mempertimbangkan penggunaan waktu fleksi pekerja.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684564/pkpb-jadual-fleksi-kerja-dari-rumah-pilihan-kepada-penjawat-awam

Penemuan penting & isu:

1. Kenaikan kes baharu COVID-19 di Selangor itu datang daripada kawasan yang terbabit dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Kenaikan keseluruhan kes baharu di Selangor juga mempengaruhi petunjuk bagi daerah yang mana daerah Petaling dan Gombak kembali menjadi zon merah. Sehingga kini, Selangor merekodkan 1,251 kes sembah manakala 213 kes aktif serta 18 kematian.
2. Keputusan drastik menutup Pasar Seremban setelah mendapat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Penutupan pasar itu bergantung kepada keadaan sama ada tiga hingga 14 hari seperti prosedur operasi standard (SOP)

yang ditetapkan KKM.

3. Kebanyakan pemilik stesen minyak tidak mempunyai dana untuk membeli minyak secukupnya bagi menampung peningkatan permintaan yang dijangka berlaku apabila PKP berakhir. Arah aliran menurun dalam harga minyak dan trafik yang lemah susulan PKP menyebabkan pengusaha stesen minyak terjejas teruk.
4. Hanya 200 pelanggan dibenarkan memasuki kawasan pasar borong berkenaan selain mewajibkan mereka termasuk peniaga menjalani ujian suhu badan di pintu masuk premis berkenaan.
5. Operasi mengesan pendatang asing tanpa izin (PATI) dilaksanakan berikutan keseluruhan kawasan yang digempur dipasang kawat duri berikut perintah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Serbuan ini mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) selama lebih tiga jam. Selain itu, operasi sama turut dilakukan Imigresen kepada ratusan warga asing yang tinggal di Menara City One dan sekitar kawasan Masjid India.
6. Kelonggaran PKPB boleh dibuat pada penjawat awam sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar penggunaan sumber manusia dapat dioptimumkan. Pertimbangan dan kelonggaran kepada mana-mana pegawai untuk bekerja dari rumah sama ada secara penggiliran atau sepanjang tempoh yang ditetapkan hendaklah berasaskan bahawa urusan atau tugas pegawai berkenaan tidak memerlukan keberadaan pegawai di pejabat pada setiap masa atau sepanjang tempoh yang ditetapkan. Ketua Jabatan juga dikehendaki mempertimbangkan pegawai yang mempunyai anak umur bawah 12 tahun dan anak Orang Kurang Upaya (OKU) serta penggiliran kerja menjaga anak bagi mereka yang mempunyai pasangan.

Maklum balas Bahagian:

1. Bilangan kes positif terus meningkat ekoran dari sikap individu yang tidak mengamalkan penjagaan diri dengan baik. Setiap individu perlu bertanggungjawab terhadap kesihatan diri dan keselamatan orang ramai yang berada di sekitarnya. Beberapa soalan berkaitan kesihatan telah dimasukkan ke dalam Soal Selidik Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
